

# UMS jalin kerjasama dengan lapan syarikat produksi Sabah

NST 19.8.2020 8

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) memulakan langkah proaktif dalam membangunkan industri kreatif Sabah melalui jalinan kerjasama dengan lapan syarikat produksi tempatan di Sabah.

Jalinan kerjasama tersebut dimerterai dalam satu Majlis Menandatangani Surat Niat di antara UMS dengan kelapan-lapan syarikat tersebut di Theatrette Ahmad Nisfu, FKSW UMS pagi kelmarin.

Lapan syarikat tersebut adalah Lagenda Movies Sdn. Bhd, Rimatajam Sdn Bhd, FTV Productions, Empayar Bayu (M) Sdn Bhd, Mutiara Pictures Sdn Bhd, Asia Era Studio Sdn Bhd, Mentari Tropika (Sabah) Sdn Bhd dan Borneo Asia Media Sdn Bhd.

Menurut pensyarah program filem FKSW, Dr. M. Fazmi Hisham, kerjasama dengan pihak industri melalui penawaran program filem Sinematik Digital itu dijenamakan sebagai Mod Industri iaitu sama ada dua tahun di universiti dan dua tahun di industri

(2u2i); tiga tahun di universiti dan satu tahun di industri (3u1i); atau dua tahun di universiti dan satu tahun di industri (2u1i).

Katanya, Mod Industri dalam program yang ditawarkan akan membantu pelajar lebih berdaya saing, praktikal dan berkemahiran serta mampu meningkatkan kebolehpasaran untuk menceburi dunia kerjaya.

"Ini penting bagi memastikan program filem Sinematik Digital yang dijangka akan ditawarkan pada tahun 2021 dapat membantu meningkatkan lagi industri kreatif filem Sabah melalui gabungan kerjasama antara pihak universiti dan industri," kata Dr. Fazmi.

Beliau menambah, dalam program Sinematik Digital, terdapat tiga kursus dalam yang melibatkan pembelajaran setahun di industri iaitu pembangunan kerjaya dalam Industri Kreatif, Produksi Industri Kreatif dan projek Industri Sinergi Sinema yang memerlukan pelajar untuk mempelajari pelbagai aspek industri demi memperkuuhkan lagi ilmu pengetahuan berkaitan dengan industri perfileman.



**KENANGAN BERSAMA...**Dr. Marsitah bergambar bersama wakil-wakil syarikat produksi selepas acara menandatangani surat niat tersebut

"Program Sinematik Digital ini merupakan satu usaha untuk mengukuhkan lagi program filem di UMS yang selama ini ditawarkan melalui beberapa kursus di bawah program sedia ada seperti Program Seni Kreatif dan Program Teknologi Seni Visual.

"Sepanjang tempoh penawaran kursus filem sedia ada, FKSW telah

melahirkan ramai tenaga mahir yang melibatkan diri dalam bidang perfileman dan bekerja di beberapa syarikat produksi terkenal di Malaysia," ujar Dr. Fazmi.

Dalam pada itu, salah seorang penerbit, Ebi Cornelis menyambut baik kolaborasi antara UMS dengan pemain industri seni kreatif.

"Kerjasama sebegini perlu bagi memberi peluang kepada pelajar UMS khususnya untuk mendapat pengalaman dari aspek produksi bidang perfileman selain daripada ilmu yang dipelajari di fakulti," katanya.

Hadir sama dalam majlis tersebut Dekan FKSW, Dr. Marsitah Mohd Radzi,